



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

KENYATAAN MEDIA

**LAWATAN KERJA RASMI YB MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(MAFI) KE LADANG AYAM BISMI DI NEGERI KEDAH**

ALOR SETAR, 21 JUN – YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dalam satu lawatan kerja ke ladang ayam milik Bismi Empire Sdn. Bhd (BISMI) hari telah meninjau operasi penternakan ayam di samping mendapatkan maklumat secara langsung daripada pemain industri mengenai isu atau permasalahan yang dihadapi.

Syarikat BISMI Empire merupakan antara pemain utama industri dalam pengeluaran ayam bagi memenuhi keperluan negara yang menekankan konsep halal 100 peratus merangkumi seluruh proses ternakan, sembelihan dan edaran.

Syarikat ini mempunyai sebanyak 18 buah ladang di sekitar negeri Kedah yang berupaya menampung bekalan sehingga 2,140,000 ekor ayam secara keseluruhan.

Walaupun terus berdepan dengan cabaran kos pengeluaran yang tinggi dan kekurangan tenaga kerja, mereka tetap memberi jaminan bahawa pengeluaran ayam akan dilakukan pada kapasiti maksimum untuk memenuhi keperluan rakyat sekaligus menstabilkan bekalan ayam di pasaran.

Bekalan ayam diunjur kekal stabil pada minggu ketiga bulan Jun 2022 dan disasarkan mencukupi untuk menampung permintaan bulan semasa. MAFI sentiasa memantau bekalan ayam di negara dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan bekalan ayam berterusan sepanjang masa.

MAFI melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) juga sedang giat melaksanakan pemberian subsidi kepada penternak sebanyak RM729.43 juta sejak 5 Februari lalu. Kerajaan telah meluluskan pemberian subsidi pada kadar RM0.60/kg dari 5 Februari hingga 30 Mac dan RM1.40/kg bagi tempoh 1 April 2022 hingga 30 Jun 2022. Semua penternak boleh terus kemukakan permohonan sehingga supaya subsidi dapat disalurkan.

Pihak MAFI dan DVS akan terus mengadakan perjumpaan dan libat urus dengan pemain industri yang berperanan penting dan terlibat langsung dalam rantaian pengeluaran bekalan ayam bagi memastikan kelangsungan pengeluaran kekal terjamin.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
21 JUN 2022**